

## Projek Greenation APB Selepas Hampir Setahun


oleh Wan Noorli Razali

Semenjak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan, aktiviti menjaga pokok-pokok yang ditanam pasti menjadi sukar kerana hampir kesemua staf perlu bekerja dari rumah (BDR). APB tetap mengambil inisiatif sendiri untuk terus memantau dan memastikan pokok-pokok yang ditanam berada dalam keadaan baik. Beberapa usaha memangkas batang kering, menggembur tanah, merumput dan membaja pokok telah dijalankan secara berkala sewaktu PKP dengan penglibatan staf yang minima. Sewaktu awal PKP, APB amat berterima kasih kepada beberapa orang pelajar yang turut membantu dalam usaha ini.



*Pelajar membantu merumput dan menggemburkan tanah*

APB telah diamanahkan kawasan di bahagian kanan dan kiri bahu jalan masuk. Sewaktu pemantauan, didapati pokok Rain of Gold di bahu jalan sebelah pokok besar agak terbantut. Masalah yang telah dikenalpasti adalah kawasan tersebut berbatu dan kekurangan medium tanah bagi akar pokok berpaut dan seterusnya membesar. AJK Greenation APB telah mengambil inisiatif untuk menambah bata dan tanah pada pokok bagi menggalakkan pertumbuhan.



*Bata-bata yang disusun di sekeliling Rain of Gold sebelum tanah hitam dimasukkan dan kawasan dibersihkan*

Sewaktu mula-mula ditanam pada 11 September 2020, pokok-pokok masih kecil. Setelah hampir 12 bulan, UiTM, Cawangan Pulau Pinang menyaksikan pokok-pokok hujan emas yang kian merimbun dengan bunga yang kuning dan ceria. Tahniah kepada warga APB atas kesungguhan melakukan yang terbaik tidak kira sekecil manapun amanah yang diberikan.

*bersambung di mukasurat berikut ...*

... bersambung dari mukasurat sebelah



*Transformasi projek taman mini APB Greenation*